



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
LOT NO : 14687, JALAN SUNGAI LEMBING,
25200 KUANTAN, PAHANG.



Tel : 09-5736304 / 6346
Faks : 09-5736423
Laman Web : www.kpmim.edu.my

No. Rujukan Kami: KPM/KTN/HEP C1.JLD2(73)
Tarikh : 18 Disember 2019

Semua Ibu bapa / Penjaga Pelajar
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota (KPMIM)

Tuan / Puan,

MAKLUMAN PENDAFTARAN PELAJAR SEDIA ADA KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA (KPMIM) BAGI SESI PENGAJIAN JANUARI - MEI 2020

Perkara di atas dengan hormatnya adalah dirujuk.

Pengurusan KPM Indera Mahkota mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan/puan di atas keprihatinan dan sumbangan terhadap kemajuan akademik dan pembangunan diri anak tuan/puan.

Berikut adalah beberapa maklumat penting berkaitan dengan pendaftaran pelajar sedia ada bagi Sesi Pengajian Januari - Mei 2020 untuk makluman dan tindakan tuan/puan serta pelajar:

1.0 Pendaftaran Pelajar Sedia Ada

- 1.1 Pelajar-pelajar dikehendaki mendaftar pada **29 Disember 2019 (Ahad)** di **Dewan Besar Seri Mahkota** mulai jam **9.00 pagi - 1.00 tengah hari**.
- 1.2 Semua pelajar dikehendaki menyerahkan resit pembayaran yuran mengikut jumlah dan keterangan yang diberikan. Sila rujuk **Lampiran 1**.
- 1.3 Prosedur pendaftaran kursus secara atas talian boleh dibuat dengan melayari laman sesawang <https://kpmim.ik-one.biz/mentee/index.php> mulai **24 Disember 2019 (mulai jam 10.00 pagi)** sehingga **27 Disember 2019 (11.59 malam)**. Pelajar perlu memuatnaik atau menaip **nombor resit yuran pembayaran yang sah** sebelum membuat pendaftaran kursus secara atas talian.
- 1.4 Sekiranya pelajar tidak dapat mendaftar kursus secara atas talian, sila jelaskan **bayaran mengulang kursus** terlebih dahulu iaitu **RM50 bagi setiap kursus yang gagal**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Unit Peperiksaan dan Persijilan (UPP) Kolej**.
- 1.5 Slip pendaftaran kursus (**salinan UPP, Mentor dan Pelajar**) perlu dicetak dan diserahkan kepada mentor untuk pengesahan mulai **30 Disember 2019** sehingga **3 Januari 2020**.

- 1.6 Tempoh **ADD-DROP** bermula dari **30 Disember 2019** hingga **6 Januari 2020**. Manakala tempoh **WITHDRAWAL** bermula dari **7 Januari 2020** hingga **7 Februari 2020**. Bayaran sebanyak **RM50** akan dikenakan untuk **WITHDRAWAL** bagi setiap kursus yang berkenaan. Pelajar perlu mendapatkan borang di Pejabat UPP untuk urusan tersebut.
- 1.7 Pelajar-pelajar dibenarkan memakai pakaian **Smart-Casual** dan mesti **berkasut** (selipar tidak dibenarkan) semasa mendaftar pada **29 Disember 2019**.
- 1.8 Sila layari laman sesawang rasmi KPM Indera Mahkota di www.kpmim.edu.my untuk makluman lanjut.

2.0 Penempatan Pelajar Di Asrama

- 2.1 Pelajar yang layak ditawarkan penginapan di asrama pada sesi pengajian Januari - Mei 2020 akan dimaklumkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pada **23 Disember 2019**, jam 4.00 petang.
- 2.2 Pendaftaran asrama akan dilaksanakan pada hari pendaftaran (**29 Disember 2019**).

3.0 Elaun Pelajar

- 3.1 Pihak MARA masih membayar elaun sara hidup pelajar RM300.00 sebulan untuk yang mengikuti pengajian peringkat Diploma.
- 3.2 Sila berhubung dengan Pn. Nurul Aini binti Zainun [Pembantu Tadbir Hal Ehwal Pelajar] di talian 09-573 6304 sambungan 106, sekiranya terdapat sebarang permasalahan berkaitan dengan elaun pelajar.

4.0 Keputusan Peperiksaan Akhir Semester Sesi Oktober - Disember 2019

- 4.1 Keputusan peperiksaan akhir semester sesi Oktober - Disember 2019 akan diketahui pada **20 Disember 2019 (Jumaat)** mulai jam **10.00 pagi** di laman sesawang <https://kpmim.ik-one.biz/mentee/index.php>. Pihak kolej hanya akan menghubungi pelajar-pelajar yang mendapat status “**Ditamatkan Pengajian**” melalui telefon dan surat rasmi selepas dari tarikh tersebut.
- 4.2 Bagi pelajar-pelajar yang tidak dihubungi selepas dari tarikh berkenaan, mereka masih boleh meneruskan pengajian selanjutnya.

5.0 Maklumat Penting

- 5.1 Pendaftaran lewat (selepas 29 Disember 2019) tanpa sebarang alasan yang munasabah bagi tempoh 7 hari bekerja berikutnya, akan dikenakan denda seperti berikut :

RM 50.00 - Hari pertama

RM 10.00 - Setiap hari berikutnya

- 5.2 Sekiranya pelajar tidak mendaftar dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh pendaftaran kolej (29 Disember 2019), pelajar dianggap tidak berminat untuk meneruskan pengajian dan akan ditamatkan pengajian.
- 5.3 Pihak kolej tidak meluluskan sebarang permohonan cuti di sepanjang pengajian melainkan cuti sakit yang diluluskan oleh badan kesihatan bertauliah. Contoh-contoh cuti yang tidak diluluskan adalah seperti cuti umrah, cuti melancong dan cuti keluar negara.
- 5.4 Sekiranya pelajar bercadang **membawa kenderaan** pada Semester Januari - Mei 2020, sila bawa salinan semua **dokumen** berikut untuk kelulusan pihak kolej:
- i) Sijil Pendaftaran Kenderaan
 - ii) Polisi Insurans
 - iii) Lesen Memandu
 - iv) Cukai Jalan
 - v) Surat Kebenaran Pemilik Sebenar Kenderaan (sekiranya bukan milik pemohon)

Dokumen-dokumen berkenaan perlu diserahkan di Kaunter Hal Ehwal Pelajar mulai **30 Disember 2019 hingga 2 Januari 2020**.


- 5.5. Sila **kemaskini maklumat peribadi pelajar** dengan pihak kolej dengan kadar segera, jika ada sebarang perubahan.

Kerjasama pihak tuan/puan dalam perkara yang dinyatakan di atas amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,


MUHAMMAD FAZLY BIN JAMALUDDIN
Timbalan Pengarah (Hal Ehwal Akademik)
b.p. Pengarah
Kolej Profesional MARA Indera Mahkota
Kuantan

Keusahawanan
& Pendidikan *Global*
'Amanah Rakyat'



KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA
YURAN PENDAFTARAN SEMESTER JANUARI – MEI 2020

Yuran	Butiran	Semester				
		2	3	4	6	7
		RM				
i.Semester	Aktiviti Siswa Kolej (ASK)	60.00	60.00	60.00	60.00	60.00
	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	35.00	35.00	35.00	35.00	35.00
	Peperiksaan	30.00	30.00	30.00	30.00	30.00
	Komputer & internet	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
	Insuran Kelompok	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
	Kebajikan Pelajar	25.00	25.00	25.00	25.00	25.00
	Jumlah:	180.00	180.00	180.00	180.00	180.00
	i. Dibayar menerusi Perbankan Elektronik sebelum Hari Pendaftaran. Layari www.bayar.maraeps.my . Sila cetak resit bayaran dan bawa pada Hari Pendaftaran. atau ii. Dibayar ke Akaun MARA sebelum Hari Pendaftaran di mana-mana Pejabat MARA Daerah atau Negeri. Bayaran atas nama pelajar kepada: KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA. KOD BAYARAN 001 118 50872204 . Resit bayaran hendaklah diserahkan pada Hari Pendaftaran.					
ii.Muafakat	Badan Pemuafakatan MARA	14.00	30.00	30.00	10.00	00.00
	i. Dibayar ke Akaun Badan Muafakat Cawangan Kolej Profesional MARA Indera Mahkota, CIMB BANK BERHAD (CIMB), No. Akaun 80-0536331-4 sebelum Hari Pendaftaran. Resit asal hendaklah diserahkan pada Hari Pendaftaran.					
ii.Graduasi	Bayaran Graduasi (Dibayar sekali sahaja sepanjang pengajian) ** Jika belum dibayar sebelum ini.	0.00	0.00	00.00	50.00**	50.00**
	i. Dibayar ke Akaun MARA sebelum Hari Pendaftaran di mana-mana Pejabat MARA Daerah atau Negeri. Bayaran atas nama pelajar kepada: KOLEJ PROFESIONAL MARA INDERA MAHKOTA. KOD BAYARAN 001 118 50872204 . Resit bayaran hendaklah diserahkan pada Hari Pendaftaran. ii. Sila bayar secara berasingan dengan yuran semester (RM180).					
iv.Lain-lain	Gagal Kursus (RM50.00 untuk setiap kursus)	Bagi pelajar yang berkaitan sahaja				
	Pelajar yang gagal kursus hendaklah menjelaskan pembayaran di Pejabat Pentadbiran pada Hari Pendaftaran.					